

230
NO. SOALAN : 285

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah wujud keperluan yang mendesak bagi menaik taraf atau menambah mana-mana aset ketenteraan negara sama ada darat, laut ataupun udara bagi mengukuhkan sistem pertahanan negara.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa peka kepada keperluan bagi menaik taraf atau menambah keupayaan aset ketenteraan negara agar tahap kesiapsiagaan operasi demi menjaga kedaulatan dan keamanan negara terus diperkuuhkan secara keseluruhan.

Sehubungan itu semua keperluan bagi menaik taraf atau menambah mana-mana aset ketenteraan negara sama ada darat, laut ataupun udara bagi mengukuhkan sistem pertahanan Negara adalah mengikut keutamaan yang berpandukan kepada Rancangan Pembangunan Keupayaan ATM yang telah digariskan melalui Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces (4DMAF)*. Pelan ini merupakan *roadmap* pembangunan keupayaan jangka panjang ATM yang turut mengintegrasikan elemen *man, machine and method* di mana, pembangunan keupayaan ATM bukan sahaja dipertingkatkan secara berterusan dengan perolehan aset dan kelengkapan yang berteknologi tinggi, tetapi turut disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti. Namun begitu bagi rancangan pembangunan dan penambahan kekuatan aset ketenteraan ini juga adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

SOALAN (286)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]

SOALAN :-

YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah yang telah dilakukan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan rumah-rumah persendirian yang menempatkan anak-anak yatim, orang tua, pelajar tahfiz dan sebagainya terjamin bagi mengelakkan sebarang musibah dan malapetaka daripada berlaku.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan aspek keselamatan kebakaran seperti berikut:-

- (i) Bagi memastikan aspek keselamatan kebakaran terjamin, Kerajaan melalui Mesyuarat High Level Committe (HLC) Mengenai Task Force Sekolah-sekolah Tahfiz yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas semua pusat tahfiz di seluruh negara. Syor-syor dari pemeriksaan ini akan digunakan oleh kerajaan bagi merancang tindakan susulan untuk meningkatkan tahap keselamatan kebakaran secara menyeluruh;

- (ii) menggiatkan aktiviti pembelajaran awam seperti ceramah, seminar, demonstrasi keselamatan kebakaran, kawad pengungsian bangunan (*fire drill*) kepada pelajar-pelajar dan pengusaha-pengusaha pusat tahfiz; dan
- (iii) menubuhkan Skuad Bomba Tahfiz yang diangotai oleh tenaga pengajar dan pelajar-pelajar. Sehingga 17 Oktober 2017, sejumlah 269 pasukan telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 3,190 orang.
- (iv) langkah-langkah yang lebih tegas juga telah diambil iaitu dengan mengeluarkan Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) kepada pusat tahfiz yang mempunyai bahaya kebakaran yang serius. Daripada 1,238 pusat tahfiz yang diperiksa, sebanyak 367 notis telah dikeluarkan kepada 83 pusat tahfiz; dan

Rumah anak yatim dan rumah orang-orang tua juga turut diberi perhatian oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Asas pemeriksaannya juga sama seperti di pusat tahfiz.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2017